

FMBC Anjur Kilap untuk Gilap Kepimpinan Pelajar

Terakhir dikemaskini: Selasa, 13 Jun 2017 15:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 479

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

SELASA, 13 JUN - Seramai 60 orang peserta menyertai Kursus dan Latihan Kepimpinan (Kilap) anjuran committee of Financial and Banking Management Club (FMBC) sesi 2016/2017 baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh FMBC, kesemua peserta terdiri daripada pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 Program Pengurusan kewangan dan Perbankan HE06.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah pengenalan terhadap tatacara penulisan proposal yang berkesan, ceramah teknik membuat latihan proposal, ceramah bertajuk 'Hala Tuju Mahasiswa Semasa dan Selepas Universiti', serta beberapa aktiviti membina kesepakatan dan hubungan

dalam kumpulan peserta.

Bertempat di Dewan Kuliah Pusat 29, program tersebut antara lain bertujuan memberi pengenalan awal kepada peserta yang bakal menggantikan ahli jawatan kuasa FMBC pada sesi yang akan datang.

Program itu telah dilaksanakan dengan bimbingan daripada presiden dan timbalan presiden FMBC yang banyak memberi tunjuk ajar kepada ahli jawatankuasa pelaksana Kilap.

Sumber: Financial and Banking Management Club